

## HIKMAH HIJRAH RASULULLAH

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا.  
مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ؛ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa Taala di dunia dan akhirat.

Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Baqarah ayat 218:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَٰئِكَ يَرْجُونَ

رَحْمَتَ اللَّهِ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٢١٨﴾

Yang bermaksud: *Sesungguhnya orang yang beriman dan orang yang berhijrah serta berjuang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam), mereka itulah orang yang mengharapkan rahmat Allah dan (ingatlah), Allah Maha Mengasihani.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Kita berada pada awal bulan muharram tahun 1439 hijrah. Kedatangannya mengingati kita peristiwa hijrah Rasulullah Sallahu Alaihi Wasallam dari Makkah ke Madinah, dengan berlakunya peristiwa hijrah Rasulullah Sallahu Alaihi Wasallam itu adalah merupakan detik permulaan persiapan Rasulullah Sallahu Alaihi Wasallam bagi mengatur dakwah dan perjuangan meneruskan usaha menegakkan negara Islam.

Hijrah mempunyai banyak hikmahnya, kerana hijrah menghasilkan kebaikan kepada manusia seluruhnya. Agama Islam yang kita anuti ini, tidak akan berkembang keseluruh dunia, seandainya tiada penghijrahan berlaku kepada para sahabat, pendakwah atau mubaligh.

Hikmah hijrah Rasulullah Sallahu Alaihi Wasallam telah berjaya melahirkan ummah yang cemerlang bagi menjayakan tamadun Islam. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah Al-Anfal ayat 74:

وَالَّذِينَ آمَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ آوَوْا وَنَصَرُوا أُولَٰئِكَ

هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٧٤﴾

Yang bermaksud: *dan orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dan orang (Ansar) yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kepada Muhajirin), merekalah itulah orang yang benar-benar beriman. Mereka beroleh keampunan dan rezeki yang mulia.*

Mengambil iktibar daripada hijrah, dalam menjana pembinaan insan yang beriman, bertakwa, berilmu dan beradab sebagaimana yang digariskan oleh Al-Quran dan al-Hadis Rasulullah Sallahu Alaihi Wasallam, kerana hijrah sebenarnya merupakan suatu proses perubahan daripada tidak baik kepada yang lebih baik.

Demikian juga dengan hikmah hijrah itu telah mengubah cara kehidupan masyarakat jahiliah yang penuh kesesatan berubah kepada masyarakat yang beriman kepada Allah Subhanahu wa Taala dan baik. Tunjukkan contoh yang terbaik kepada orang bukan Islam kerana perilaku orang Islam hari ini tidak menggambarkan akhlak yang Islam. Lihatlah hari ini umat Islam menjuarai penyalahgunaan dadah, rasuah, sumbang mahram dan tercicir dalam pendidikan dan ekonomi.

Lihatlah gambaran umat Islam pada zaman Rasulullah saw sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Saidina Jaafar bin Abi Talib kepada Raja Habsah semasa berhijrah ke sana. Katanya: “Wahai Raja! Kami dahulunya adalah bangsa jahiliah. Pada zaman itu kami menyembah berhala, memakan bangkai, melakukan perkara-perkara keji, jahat, kami memutuskan tali kekeluargaan dan persaudaraan, kami merosakkan tatatertib berjiran dan manakala yang kuat dikalangan kami menindas yang lemah. Kami kekal demikian sehingga Allah Allah Subhanahu wa Taala mengutus Rasul kepada kami. Kami mengetahui keturunan, kejujuran, amanahnya serta menjaga kehormatan dirinya lalu menyeru kami mengesakan Allah dan menyembah-Nya”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Sesungguhnya hijrah telah melahirkan sebuah masyarakat yang saling bantu membantu, hormat-menghormati, suka kepada kebaikan, benci kepada kemungkaran, sanggup berkorban dan mewarisi akhlak terbilang. Allah Subhanahu wa Taala berfirman dalam surah al-Anfal ayat 63:

وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ لَوْ أَنْفَقْتَ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مَا أَلْفَتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ

وَلَكِنَّ اللَّهَ أَلْفَ بَيْنَهُمْ إِنَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٦٣﴾

Yang bermaksud: *Dan ( Dialah) yang menyatupadu antara hati mereka (yang beriman itu).kalaulah engkau belanjakan segala (harta benda) yang ada di bumi, nescaya engkau tidak dapat menyatupadukan antara (hati) mereka, sesungguhnya Ia Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.*

Oleh itu jadikanlah peristiwa hijrah ini sebagai contoh teladan bagi mencorakkan kahidupan bagi mencapai keredaan Allah Subhanahu wa Taala di dunia dan akhirat .

Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Taubah ayat 20:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَكْبَرُ دَرَجَةً

عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٢٠﴾

Yang bermaksud: *(Sesungguhnya) orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah (daripada orang yang hanya memberi minum orang haji dan orang yang memakmurkan Masjid sahaja); dan mereka itulah orang-orang yang berjaya.*

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ

الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ

اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،

فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.